

**SIARAN MEDIA**  
UNTUK SIARAN SEGERA  
TM. 126/2026

28 APRIL 2026

## **TOURISM MALAYSIA PERKUKUH SOKONGAN TERHADAP KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026 (VM2026) MENERUSI KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA WATSONS MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI KESIHATAN DAN KECANTIKAN**

**SEPANG** – Tourism Malaysia hari ini mengumumkan kerjasama strategik bersama Watsons Malaysia bagi menyokong Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Inisiatif ini menyaksikan transformasi cawangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 menjadi "Destinasi Runcit Kesihatan dan Kecantikan" pertama yang menawarkan pengalaman membeli belah khusus buat pelawat antarabangsa sebaik tiba di Malaysia.

Inisiatif tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Chiew Choon Man, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, bersama Caryn Loh, Pengarah Urusan Watsons Malaysia merangkap Ketua Operasi (COO) Kesihatan dan Kecantikan Asia, AS Watson Group. Kerjasama ini menandakan satu pencapaian penting dalam kolaborasi sektor awam dan swasta bagi mempertingkatkan pengalaman para pelawat di Malaysia.

Dalam ucapannya, YB Tuan Chiew Choon Man, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia berkata bahawa kerjasama strategik ini merupakan contoh terbaik penglibatan sektor swasta dalam mempertingkatkan mutu pengalaman keseluruhan pelawat dengan menetengahkan produk dan budaya Malaysia kepada dunia.

"Bertemakan 'Malaysia: Destinasi Lestari dan Kaya Budaya', kempen ini memberi penekanan kepada pengalaman pelancongan yang autentik dengan mempamerkan keunikan warisan budaya, kepelbagaian tradisi serta keindahan alam semula jadi yang kita miliki," katanya.

Caryn Loh turut menzahirkan penghargaan atas peluang untuk menyumbang kepada agenda pelancongan negara. "Watsons Malaysia amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada inisiatif bermakna ini. Sebagai peruncit yang dipercayai, kami bangga dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk mewujudkan destinasi runcit yang mesra pelancong. Kami berharap dapat menampilkan destinasi sehenti bagi produk berkualiti serta memperkenalkan inovasi jenama tempatan kepada para pelawat global."



Langkah ini mencerminkan komitmen Watsons Malaysia dalam menyokong agenda kerajaan dengan mengintegrasikan sektor runcit ke dalam ekosistem pelancongan secara menyeluruh. Cawangan di KLIA Terminal 2 akan menawarkan produk terpilih, promosi eksklusif serta elemen budaya imersif yang menampilkan identiti Malaysia yang berwarna warni.

Sebagai sebahagian daripada kempen VM2026, Watsons Malaysia bakal memperkenalkan beberapa langkah strategik. Antaranya, pelawat antarabangsa boleh menikmati keistimewaan membeli belah eksklusif menerusi inisiatif Watsons One Pass yang membolehkan ahli Watsons Club dari seluruh dunia mengumpul mata ganjaran pada harga ahli tempatan. Selain itu, Watsons akan memanfaatkan rangkaian globalnya yang merangkumi lebih 170 juta ahli untuk memperluas jangkauan promosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Bagi menyemarakkan suasana, cawangan KLIA Terminal 2 turut dihiasi dengan dekorasi perayaan dan elemen interaktif yang diinspirasikan daripada warisan kaya Malaysia. Selain itu, satu zon khas disediakan untuk mempamerkan jenama kecantikan dan kesejahteraan tempatan, sekali gus memberi peluang kepada pelawat antarabangsa untuk menerokai produk yang dihasilkan di Malaysia.

Menerusi kerjasama ini, Tourism Malaysia memperkukuh peranannya sebagai rakan strategik dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang dinamik dan bertaraf dunia. Selaras dengan kempen VM2026, Tourism Malaysia akan terus memperluas jaringan kolaborasi bersama pemain industri bagi mentransformasikan pengalaman pelawat, sekali gus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelancongan autentik dan lestari.

- TAMAT -

### **Tourism Malaysia**

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

**Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026)** menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di [www.tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my) serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).



**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Masrina binti Mohd Bakri**

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Pakej

[masrina@tourism.gov.my](mailto:masrina@tourism.gov.my)

Tel: +603 8891 8544

**Norshariza binti Mohd Saad**

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

[norshariza@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)

Tel: +603 8891 8775

